

## **MAKLUMAN PROSEDUR PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENGIKTIRAFAN TENAGA PENGAJAR (TP) (GARIS PANDUAN SKIM AKREDITASI PROGRAM LATIHAN PENGENDALI MAKANAN)**

- Adalah dimaklumkan bahawa merujuk kepada Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan Bahagian A klausa 4.2, individu yang telah mendapat pengiktirafan sebagai tenaga pengajar dan ingin memohon pembaharuan pengiktirafan perlulah mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat pembaharuan:
  - 4.2.1 Tenaga pengajar perlu aktif mengajar di dalam kursus LPM sekurang-kurangnya empat (4) sesi setahun bermula pada tarikh pengiktirafan.
  - 4.2.2 Tenaga pengajar telah menjalani pemantauan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) tahun sepanjang diiktiraf.
  - 4.2.3 Menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) kali kursus refresher/tambahan/lanjutan tenaga pengajar setiap tiga (3) tahun diiktiraf.
  - 4.2.4 Mematuhi terma dan syarat pengiktirafan tenaga pengajar.
  - 4.2.5 Tenaga pengajar yang tidak aktif mengajar perlu menjalani penilaian semula sekiranya perlu.
- Dokumen-dokumen keperluan perlu dimuatnaik ke dalam sistem FoSIM semasa permohonan pembaharuan dilaksanakan.
- Bagi klausa 4.2.2, Tuan/puan perlu mengemaskini Buku Log Pemantauan Tenaga Pengajar Program Latihan Pengendali Makanan dan memohon pemantauan dari Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) / Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian (PKD/PKB) yang berhampiran dengan alamat tempat kursus Latihan Pengendali Makanan dijalankan.
- Bagi klausa 4.2.3 pula, tuan/puan boleh merujuk kepada **Garis Panduan Keperluan Latihan Lanjutan Keselamatan Makanan (*Advanced Food Safety Training*) Bagi Tenaga Pengajar Latihan Pengendali Makanan**. Garis Panduan boleh di muat turun di menu Perkhidmatan>Program Latihan Pengendali Makanan>Informasi>Garis panduan, Jadual dan Modul.
- Pelaksanaan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 JUN 2022**.Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh menghubungi Puan Norhidayah binti Md Sahray di talian 03-88850797 sambungan 4282/ emel [hidayah.mdsahray@moh.gov.my](mailto:hidayah.mdsahray@moh.gov.my) atau Encik Mohd hafiz bin Saidin di talian 03-88850797 sambungan 4295/ emel [mohdhafizsaidin@moh.gov.my](mailto:mohdhafizsaidin@moh.gov.my).